

Lengkapi teks dengan kata majmuk yang sesuai.

buah hati

orang tua

air mata

jam tangan

hari minggu

buah tangan

berat hati

orang rumah

anak kandung

baju kurung

Si Jantung Hati

Khairul anak yang baik. Dia _____ Haji Rahim dan Hajah Nora. Dia sayang akan kedua-dua _____ nya.

Pada setiap _____ Khairul akan ke kampung. Dia pulang bersama dengan _____ dan anak-anaknya. Mereka pulang untuk menziarahi ibu bapa Khairul.

Setiap kali pulang ke kampung, Khairul akan membeli _____ untuk ibu bapanya. Pada minggu yang lalu, dia membeli sepasang _____ ibunya dan seutas _____ untuk ayahnya

Hajah Nora selalu _____ untuk melepaskan Khairul dan keluarganya pulang ke kota apabila tiba masanya. Kadang-kadang, _____ nya mengalir tanpa disedari. Walau bagaimanapun, dia sedar bahawa _____ nya itu akan pulang lagi pada minggu berikutnya.